

Muzium hantu uji keberanian

SINAR HARIAN 24/06/2018 M/S 34

Tarikan baharu di Pulau Pinang

MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Pulau Pinang sudah pasti terkenal dengan destinasi pelancongan, bukan sahaja menjadi tumpuan pelancong tempatan, malah turut menjadi pilihan pelancong asing daripada seantero dunia.

Bukan sahaja panorama menarik, negeri yang lebih terkenal dengan nama Pulau Mutiara ini mempunyai pelbagai tempat menarik untuk dikunjungi.

Selain pantai dan pelbagai aneka makanan yang menjadi tumpuan utama orang ramai untuk datang ke sini, Pulau Pinang juga terkenal dengan pelbagai muzium yang terdapat di negeri ini.

Jika suatu masa dahulu muzium hanya dianggap medium pameran bergambar, kini pelbagai inisiatif dilakukan operator bagi menunjukkan keunikan pameran mereka.

Difahamkan, lebih 45 muzium yang dibuka di sini, bukan hanya sekadar menempatkan pelbagai barangan dan artifak warisan, malah terdapat Muzium Pulau Pinang, Pinang Muzium Peranakan, Muzium Batik, Muzium Kristal, Muzium Kamera, Muzium Teori Muzium 2 Dimensi (2D)



JOESON

tetamu yang berkunjung di lokasi tarikan berkenaan.

Muzium yang gelap dan hanya diterangi beberapa lampu neon akan membangkitkan rasa teruja buat mereka yang pertama kali berkunjung di rumah hantu berkenaan.

Namun pengunjung tidak perlu bimbang kerana mereka akan ditemani oleh seorang penunjuk arah untuk dibawa melihat lebih 30 jenis hantu yang ditempatkan di dalam muzium itu.

Sekiranya berani dan mahu menguji keberanian, pengunjung juga boleh memilih untuk bergerak sendiri untuk melihat pelbagai jenis hantu yang dipamerkan.

Lima zon hantu

Penyelia Muzium Hantu, Joeson Lye Ken Li berkata, sebanyak lima zon hantu yang disediakan seperti hantu Melayu, hantu Cina, hantu Jepun, hantu dari negara barat dan Arab.

Menurutnya, lembaga berwajah buruk dengan titisan darah dan anggota badan yang tidak lengkap pasti berlegar-legar di fikiran.

Katanya, masyarakat kita sejak kecil dimomokkan dengan cerita hantu tanpa kepala, suka menjerit, menangis, tanpa kaki, berpakaian putih yang terbang atau melompat terutama bagi menakutkan si kecil.

"Di sini semua hantu ditempatkan di bawah satu bumbung mengikut



Muzium Hantu yang terletak di Lebu Melayu dibuka setiap hari.



Pengunjung pasti akan terkejut dengan susun atur hantu yang ditempatkan di dalam muzium berkenaan.

yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu dan sering ditemui di kawasan hutan atau di atas pokok selain pocong, penanggal, orang minyak, hantu pokok pisang dan sebagainya.

Beliau berkata, masyarakat zaman ini bercerita mengenai jelmaan mengerikan mengenai hantu berkenaan supaya anak mereka tidak keluar rumah pada waktu malam.

Katanya, berikutan itu anak mereka takut keluar rumah terutama menjelang senja dan ini antara cara bagi mendisiplinkan anak ketika itu.

"Begitu juga dengan hantu dari China yang digambarkan rambut bertocang panjang serta melompat dan mangsa perlu melekatkan kertas jampi di dahinya supaya tidak dikejar.

"Itu hanyalah watak rekaan dalam filem kerana hantu itu sebenarnya ialah anggota tentera yang mati dalam

Muzium Toy, Muzium 3 Dimensi (3D) dan banyak lagi untuk dikunjungi.

Terbaru, Muzium Hantu diperkenalkan kepada orang ramai. Terletak di Lebuh Melayu, Muzium Hantu pasti akan memberikan pengalaman yang menyeramkan kepada

kepercayaan kaum dan negara masing-masing dengan latar muzik menyeramkan.

“Muzium itu dibuka bukan bertujuan menakutkan pengunjung, tetapi bagi memberi pendidikan kepada masyarakat bahawa kisah hantu yang didengar sejak

kecil hanyalah rekaan orang pada masa itu bagi menjaga tingkah laku anak mereka,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Joeson berkata, antara pengalaman yang boleh dirasai pengunjung seperti kemunculan puntianak dan langsuir

peperangan. Mayatnya diawet dan diikat secara berdiri bagi memudahkan urusan penghantaran ke kampung masing-masing,” katanya.


Cecah 400 pengunjung sehari

Joeson berkata, muzium yang dibuka setiap hari itu kini mencatatkan jumlah pengunjung sehingga 200 orang sehari dan mencecah 400 pada hujung minggu.


Beliau berkata, proses mengumpul maklumat mengenai hantu dari lima negara itu mengambil masa setahun dan kostum serta replika hantu berkenaan dibeli daripada peniaga dalam talian dari China dan Malaysia.

“Selain hantu dari Malaysia dan China, terdapat hantu dari Jepun yang terkenal dengan Ju-On, Mesir dengan mumia dan firaun serta beberapa hantu lanun, labu dan tengkorak dari negara barat.

“Kami merancang menambah dekorasi dan jumlah hantu seperti dari Arab, Thailand dan Indonesia selain adakan siri jelajah bagi memperkenalkan produk dan misi kami,” katanya.



Suasana di dewan bedah yang sinonim dengan hantu jenis zombie antara tarikan di Muzium Hantu.



Zon hantu Arab menempatkan replika hantu dan firaun.